

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATO SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]
TARIKH : 18 MEI 2015
SOALAN :

YB Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membina sebuah klinik kesihatan di Pekan Pusing, Batu Gajah di bawah Rancangan Malaysia Ke Sebelas. Jika ya, nyatakan lokasi, jumlah peruntukan dan langkah-langkah yang telah diambil setakat ini berhubung dengan projek berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyediaan kemudahan kesihatan di sesebuah lokasi sememangnya mengambilkira keperluan penduduk setempat. Pada masa ini, penduduk Pekan Pusing mendapatkan perkhidmatan kesihatan melalui Klinik Kesihatan di Pekan Pusing, Batu Gajah yang mana sebelum ini merupakan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak tetapi telah dinaiktaraf kepada Klinik Kesihatan dengan perkhidmatan pesakit luar pada Februari 2015.

Bagi pesakit yang memerlukan perkhidmatan pesakit dalam ianya boleh di dapati dari Hospital Batu Gajah sejauh 7km dan Hospital Ipoh sejauh 25km daripada Klinik Kesihatan Pekan Pusing.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan keperluan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan yang lebih komprehensif di Klinik Kesihatan Pekan Pusing. Oleh itu, KKM ini sedang di dalam proses perolehan sebuah tapak bersebelahan Sekolah Menengah Kebangsaan Pusing bagi tujuan tersebut. Peruntukan bagi pelaksanaan projek klinik kesihatan di Pekan Pusing yang baru akan dipohon di dalam rolling plan ke dua bagi Rancangan Malaysia ke 11 akan datang apabila proses perolehan tanah selesai.